

KEMPEN "TAP, TAP & MENANG (RAYA)" TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut diguna pakai bagi Kempen "Tap, Tap dan Menang" ("Kempen").

1. Kempen ini dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat: 196501000376 (6175-W)) ("BMMB") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di sini.
2. Dengan menyertai Kempen ini, semua pemegang kad BMMB Kad Kredit-i dan/atau Kad Debit-i yang layak ("Pemegang Kad") dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta segala keputusan yang dibuat oleh BMMB.
3. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu BMMB yang memiliki BMMB Kad Kredit-i dan/atau Kad Debit-i yang sah ("Kad"), tertakluk kepada kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan di sini.
4. Kempen ini akan bermula dari **18 Februari 2026 hingga 19 April 2026** ("Tempoh Kempen")
5. Individu berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun;
 - b. Pekerja tetap dan kontrak BMMB serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan
 - c. Pemegang Kad yang akaunnya dengan BMMB telah digantung, ditutup atau yang melanggar perjanjian dengan BMMB, atau yang akaun Kadnya dibatalkan, ditutup atau ditamatkan atas apa sahaja sebab, sama ada secara sukarela atau tidak, pada atau sebelum pengagihan hadiah.

MEKANIK KEMPEN

6. Mekanik & Ganjaran

Mekanisme Kempen	Jenis Kad	Penyertaan
Mohon, aktifkan dan lakukan transaksi pertama dengan perbelanjaan minimum RM50	Kad Kredit-i	Dapatkan 100 penyertaan dengan transaksi pertama (sekali sahaja)
Perbelanjaan RM50 dan ke atas bagi setiap resit		Dapatkan 50 penyertaan bagi setiap resit
Perbelanjaan RM50 dan ke atas bagi setiap resit	Kad Debit-i	Dapatkan 20 Penyertaan bagi setiap resit

7. Jumlah pemenang seperti yang ditetapkan dalam Klausa 12 di bawah akan dipilih sepanjang Tempoh Kempen berdasarkan jumlah penyertaan tertinggi, tertakluk kepada mekanik Kempen dan pengagihan hadiah.
8. Pemegang Kad mesti memenuhi kriteria “Transaksi Layak” untuk menyertai dan memperoleh penyertaan dalam Kempen ini.
9. Transaksi Layak adalah seperti berikut:
 - i) Semua transaksi runcit dan dalam talian (tempatan dan luar negara) yang dibuat melalui kaedah bersemuka, tanpa sentuh, dan saluran e-Dagang menggunakan Kad; dan
 - ii) Transaksi lain yang mungkin ditetapkan oleh BMMB dari semasa ke semasa, dengan pengecualian transaksi yang tidak layak seperti yang disenaraikan dalam Klausa 10 di bawah.
10. Transaksi berikut **TIDAK** termasuk sebagai Transaksi Layak:
 - a. Pelan ansuran bulanan, pengeluaran tunai Kad Kredit, pemindahan baki, pemindahan dana, pemindahan e-Wallet, baki tertunggak, pembayaran bil, pembatalan, yuran dan caj yang dikenakan oleh BMMB;
 - b. Sebarang transaksi pembelian yang dipertikaikan, dibatalkan, dikembalikan, tidak dibenarkan atau palsu;
 - c. Bayaran untung/caj pengurusan, caj lewat bayar, caj pengeluaran tunai, sebarang cukai yang dikenakan oleh undang-undang, dan sebarang bentuk yuran perkhidmatan/lain-lain; dan
 - d. Transaksi yang dibuat oleh Pemegang Kad yang layak dengan mana-mana pihak peniaga yang berkaitan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah), termasuk transaksi dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana beliau merupakan pekerja, majikan, pemegang saham, mempunyai kepentingan atau pengarah.
11. Pada masa penebuan ganjaran, status akaun Kad, rekod pembayaran dan perbelanjaan pada Kad Pemegang Kad yang layak akan disemak bagi memastikan ia berada dalam keadaan memuaskan dan mematuhi Terma dan Syarat Kempen ini.
12. Ganjaran Kempen adalah seperti berikut:

Kategori Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama: 1 Gram Emas Edisi Terhad Mumu	30
Hadiah Saguhati: Pulangan Tunai RM100	30

13. Pemenang akan dipilih berdasarkan jumlah penyertaan tertinggi yang terkumpul sepanjang setiap fasa Kempen, tertakluk kepada bilangan hadiah yang tersedia dan sekiranya berlaku keputusan seri, pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah transaksi tertinggi sepanjang fasa berkenaan seperti yang direkodkan dalam sistem BMMB.
14. Setiap Pemegang Kad yang layak hanya berhak memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
15. Ganjaran tidak boleh dipindah milik atau ditukar kepada wang tunai atau mana-mana barangan lain, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, kecuali atas budi bicara BMMB.
16. Pemenang mungkin dihubungi oleh wakil BMMB semasa waktu pejabat (Isnin – Jumaat) antara jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang melalui nombor telefon berdaftar yang terdapat dalam sistem BMMB dan/atau melalui mana-mana saluran komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB.
17. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi melalui nombor telefon mereka berdasarkan rekod BMMB selepas tiga (3) cubaan pada hari yang sama dan/atau sekiranya pemenang ingin menarik diri daripada Kempen dan/atau didapati tidak layak, pemenang tersebut akan dikeluarkan daripada Kempen dan BMMB berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.
18. BMMB berhak memilih pemenang tambahan untuk menggantikan sebarang pemenang yang mungkin tidak layak, menarik diri atau dibatalkan atas apa jua sebab sepanjang Tempoh Kempen.
19. Penyerahan ganjaran Kempen (emas dan pulangan tunai) akan dilaksanakan dalam tempoh lapan (8) hingga dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Kempen atau tempoh lain yang akan ditetapkan oleh BMMB.
20. Pemenang bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan dengan BMMB dan/atau pengedar/ejen yang dilantik bagi mengutip atau menebus hadiah mereka. BMMB tidak akan menanggung sebarang kos penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh pemenang semasa proses penebusan atau penggunaan hadiah.
21. Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan stok dan BMMB berhak untuk menghentikan atau menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau setara pada bila-bila masa dengan memberi notifikasi tujuh (7) hari kepada pemenang.

22. Hadiah yang dipaparkan dalam sebarang iklan dan bahan pemasaran lain (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan rekaan atau warna sebenar mungkin berbeza.
23. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang bersetuju agar maklumat pemenang seperti nama penuh boleh diterbitkan di www.muamalat.com.my selepas tamat Tempoh Kempen dan/atau di mana-mana media yang difikirkan sesuai oleh BMMB.
24. Pemegang Kad bersetuju dan memberi keizinan agar data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh BMMB selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BMMB yang boleh dilihat di www.muamalat.com.my, untuk tujuan berikut:
 - a. Tujuan Kempen ini; dan
 - b. Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh BMMB termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang maklumat yang diberikan dalam penyertaan, bahan temuramah serta jawapan dan gambar yang berkaitan dalam mana-mana bentuk media pengiklanan atau promosi.

Walaupun bagaimanapun, BMMB akan melindungi data peribadi Pemegang Kad dan Pemegang Kad boleh bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai semua aktiviti pengiklanan dan promosi yang munasabah berkaitan Kempen ini tanpa sebarang bayaran atau pertimbangan. Pemegang Kad boleh menolak pernyataan persetujuan ini dengan menghubungi BMMB melalui nombor telefon dan alamat e-mel yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini.

25. BMMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara berhubung sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi menggunakan Kad BMMB, selagi perkara tersebut bukan disebabkan oleh kealpaan besar, penipuan atau salah laku sengaja BMMB.
26. BMMB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini atau mana-mana bahagiannya dengan notifikasi tujuh (7) hari kalendar. Notifikasi tersebut boleh diterbitkan oleh BMMB melalui laman webnya di www.muamalat.com.my dan/atau melalui mana-mana saluran komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh BMMB. Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Kad yang layak untuk memastikan mereka dimaklumkan atau mencari sebarang notifikasi yang disiarkan secara sah dan berkala.
27. Untuk mengelakkan keraguan, pindaan, pemendekan, pembatalan, penggantungan atau penamatan Kempen ini oleh BMMB tidak memberi hak kepada Pemegang Kad yang layak atau mana-mana pihak lain untuk membuat tuntutan atau mendapatkan sebarang pampasan daripada BMMB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat pindaan, pemendekan, pembatalan, penggantungan atau penamatan tersebut, kecuali kerugian atau

kerosakan tersebut berpunca daripada kealpaan besar, penipuan atau salah laku sengaja BMMB.

28. BMMB berhak, atas budi bicara sendiri, untuk mendiskualifikasi/menolak mana-mana Pemegang Kad yang layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini dan/atau didapati atau disyaki mencampuri atau mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini. Aktiviti mencampuri termasuk sebarang aktiviti penipuan yang melibatkan tindakan menipu dan/atau memperdaya berkenaan Kempen ini.
29. BMMB akan menguruskan Kempen ini dengan penuh perhatian dan mematuhi semua keperluan peraturan yang terpakai. Walau bagaimanapun, BMMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan obligasinya akibat daripada peristiwa di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: tindakan Tuhan (*acts of God*), peperangan, rusuhan, mogok, penguncian (*lock-out*), tindakan industri, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, pandemik, epidemik, tindakan kerajaan atau peristiwa serupa lain.
30. Pemegang Kad yang layak digalakkan mendapatkan penjelasan daripada BMMB sekiranya mana-mana Terma dan Syarat ini tidak difahami sepenuhnya.
31. Sekiranya terdapat sebarang pertentangan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini dengan terjemahan Terma dan Syarat ini dalam mana-mana bahasa lain, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang brosur, bahan pemasaran dan promosi berkaitan Kempen ini atau promosi Kempen ini, Terma dan Syarat ini adalah terpakai.
32. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan BMMB di +603-2600 5500. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pemegang Kad yang layak boleh menghantar e-mel kepada BMMB di feedback@muamalat.com.my.
33. Keputusan BMMB berhubung semua perkara yang berkaitan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat, dan BMMB tidak berkewajipan memberikan sebarang alasan atau berurusan dengan mana-mana pihak berhubung mana-mana perkara berkaitan Kempen ini.
34. Selain terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad/Pemenang utama bersetuju bahawa terma dan syarat umum dalam Perjanjian Pemegang Kad hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Kempen ini sebagai perjanjian keseluruhan.
35. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia serta peraturan, regulasi dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) dan mana-mana badan atau pihak berkuasa berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa

ke semasa, dan juga tertakluk kepada semua peruntukan yang sedang berkuat kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) serta Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, termasuk sebarang pindaan daripadanya.

36. BMMB berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa berkaitan serta menamatkan transaksi yang berkenaan.
37. Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang hak dan/atau kuasa budi bicara yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini, adalah tertakluk kepada prinsip Syariah.

**TAMAT TERMA & SYARAT
KEMPEN "TAP, TAP DAN MENANG (RAYA)"**